



**SPORTING REGULATIONS**  
( *Terma & Syarat* )

## 1.0 TERMA & SYARAT : INFO & JADUAL

### Info Program

Segmen : MUSC Terpadu Drag Bikes 2026  
 Tarikh : 20hb September 2026 @ Ahad  
 Masa : 12.00 tengahari hingga 03.00 pagi  
 Lokasi : Terengganu Drag Strip, Kuala Terengganu, Terengganu  
 Jarak : 201m @ 1/8mile  
 Kondisi : Prep

## 2.0 JADUAL & PELAN LOKASI

### Jadual Program


10.00am - Ketibaan Pengunjung & Pendaftaran Peserta  
           - Pameran, Promosi & Jualan  
 11.00am - Free Practise  
 12.00pm - Segmen Test N Tune (Semua Kategori) - Ujian Masa ET1 & ET2  
 05.00pm - Segmen Test N Tune (Semua Kategori) - Ujian Masa ET3 & ET4  
 08.00pm - Friendly Super Match Battle of Maruah No. 1  
 09.00pm - Cabutan Lucky Draw Pengunjung Bertuah  
 09.30pm - Friendly Super Match Battle of Maruah No. 2  
 10.00pm - Segmen Longgok (Semua Kategori) – Ujian Masa ET1, ET2 & ET3  
 11.00pm - Friendly Super Match Battle of Maruah No. 3  
 01.30am - Segmen Longgok (Semua Kategori) – Top 8 Knock Out  
 02.30am - Penyampaian Hadiah Para Pemenang  
 03.00am - Tamat

### Pelan Susun Atur Tapak Program

MUSC TERPADU DRAG BIKE 2026  
 20 SEPT 2026  
 TERENGGANU DRAG STRIP, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU, MALAYSIA



FLOOR PLAN : BY ZONES - PADDOCKS / TECHNICAL / TRAFFIC DIRECTIONS



### 3.0 TERMA & SYARAT : SENARAI KATEGORI DRAG BIKE 201M

#### Kelas Tumpuan - Hadiah Tetap

##### Segmen Longgok Sempoi-Sempoi – Novice Rider

- a) L1 – 2t<150 Sempoi Sempoi
- b) L3 – 4t<185 Sempoi Sempoi
- c) L6 – 2t<150 Rentong Sempoi Sempoi (65mm/Avgas)
- d) L7 – 4t<110 Rentong Sempoi Sempoi

##### Segmen Test N Tune - RS @ Real Street – Novice Rider

- a) RS1 – Honda Ex5 Real Street (Piston<56mm / Total Stroke<68mm / R97 / 100kg)
- b) RS2 – 2t<125 (Open Piston / Open Stroke / R97 / 130kg)
- c) RS4 – 4t<185 Real Street (Piston<63mm / Std Stroke / R97 / 130kg)
- d) RS8 – 4t<185 Real Street (Piston<65mm / Total Stroke<68mm / R97 / 130kg)
- e) RS9 – 4t<160 Real Street (Open Piston / Open Stroke / R97 / 130kg)
- f) RS10 – 4t<185 Real Street (Piston<72mm / Total Stroke<81mm / R97 / 130kg)
- g) RS12 – Ev Lion G1 Real Street (72v / 3,000watt)

##### Segmen Test N Tune - SS @ Super Street – Open Rider

- a) SS2 – 4t<125 Super Street (Piston<66mm / Open Stroke / R97 / 125kg)
- b) SS3 – 4t<160 Super Street (Piston<65mm / Open Stroke / R97 / 130kg)
- c) SS4 – 4t<160 Super Street (Open Piston / Open Stroke / R97 / 130kg)

##### Segmen Test N Tune - PS @ Pro Street – Open Rider

- a) PS5 – Ev Lion G1 Pro Street (126v / 25,000watt)

##### Segmen Test N Tune - SO @ Super Open – Open Rider

- a) SO2 – 2t<150 Superopen (Piston<65mm / Open Stroke / Avgas / 100kg)
- b) SO3 – 2t<150 Superopen (FFA / 100kg)
- c) SO4 – 4t<200 Superopen (FFA / 110kg)
- d) SO6 – 2t<150cc NGO Superopen (Piston<72mm / Total Stroke<58.7mm / Q16 / 100kg)
- e) SO7 – 4t<200 NGO Superopen (Piston<76mm / Total Stroke<79mm / 110kg)

#### 4.0 TERMA & SYARAT : SYARAT TEKNIKAL & SPESIFIKASI JENTERA SETIAP KELAS

- b) Sporting Regulations (Terma dan Syarat) (Bm) – akan dikemaskini
- c) Syarat Spesifikasi & Teknikal Drag Bike (Bm) – <https://bit.ly/4lpqebP>

#### 5.0 TERMA & SYARAT : YURAN, PADDOCK TEAM, PENDAFTARAN & HADIAH

- a) Pendaftaran **bermula pada 18hb Ogos 2026** dan akan ditutup apabila jumlah keseluruhan penyertaan telah mencapai kuota limit 200 jentera sahaja.
- b) Yuran Penyertaan
  - Segmen Longgok Sempoi Sempoi - RM 20.00
  - Segmen Test N Tune RS, SS & PS - RM200.00
  - Segmen Test N Tune SO - RM300.00
- c) Yuran pendaftaran **semua segmen** akan dikembalikan sekiranya jentera mengalami masalah teknikal **sebelum tarikh acara segmen tersebut berlangsung**.
- d) Pendaftaran lewat bagi Segmen Longgok dan Test N Tune yang diterima secara Walk-In ketika hari acara akan dikenakan Penalti RM50.00.
- e) Kadar sewa Khemah Pit/Paddock (saiz 20' x 20') Pasukan bagi Segmen Test N Tune ialah RM200.00/hari. (pasukan dibenar untuk berkongsi)
- f) Pendaftaran Drag Bike secara on-line boleh dibuat di pautan berikut:  
(akan dikemaskini)
- g) Setelah mendaftar secara on-line, pengesahan perlu dibuat dengan menghubungi (menerusi Whatsapp) salah satu dari nombor telefon Admin Urusetia seperti di bawah. Penempatan sewa ruang Pit/Paddock pasukan juga amat terhad & boleh dibuat menerusi Whatsapp seperti di bawah:

<http://www.wasap.my/+60192866282>

atau

<http://www.wasap.my/+60129744804>

atau

<http://www.wasap.my/+601136041110>

atau

<http://www.wasap.my/+60107157398>

- h) Sistem 'Rewarding' Hadiah Pemenang (Trofi & Hadiah Sampingan):

##### Kelas Longgok Sempoi-Sempoi

(Hadiah Tetap)

- 1st RM500 + Medal
- 2nd RM300 + Medal
- 3rd RM200 + Medal
- 4th RM100 + Medal

##### Kelas RS4 & RS9

(Hadiah Tetap)

- 1st RM2,000 + Trofi
- 2nd RM1,000 + Trofi
- 3rd RM500 + Trofi
- 4th RM300 + Trofi

##### Kelas RS12 & PS5

(Hadiah Tetap)

- 1st RM2,000 + Trofi
- 2nd RM500 + Trofi
- 3rd RM300 + Trofi
- 4th RM200 + Trofi

##### Kelas SO6 & SO7

(Hadiah Tetap)

- 1st RM2,000 + Trofi
- 2nd RM1,000 + Trofi
- 3rd RM700 + Trofi
- 4th RM500 + Trofi

Lain-lain Kelas RS & SS

| Jumlah Penyertaan         | 1 <sup>st</sup> | 2 <sup>nd</sup> | 3 <sup>rd</sup> | 4 <sup>th</sup> |
|---------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 1 atau 2 (Run-for-Record) | -               | -               | -               | -               |
| 3 atau 4                  | RM 500          | -               | -               | -               |
| 5 - 10                    | RM 800          | RM 450          | RM 350          | RM 250          |
| 11 – 14                   | RM 1,000        | RM 600          | RM 400          | RM 300          |
| 15 & ke atas              | RM 1,200        | RM 800          | RM 500          | RM 400          |

Lain-lain Kelas SO

| Jumlah Penyertaan         | 1 <sup>st</sup> | 2 <sup>nd</sup> | 3 <sup>rd</sup> | 4 <sup>th</sup> |
|---------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 1 atau 2 (Run-for-Record) | -               | -               | -               | -               |
| 3 atau 4                  | RM 800          | -               | -               | -               |
| 5 - 10                    | RM 1,000        | RM 700          | RM 500          | RM 350          |
| 11 – 14                   | RM 1,500        | RM 800          | RM 700          | RM 400          |
| 15 & ke atas              | RM 2,000        | RM 1,000        | RM 800          | RM 500          |



## 6.0 TERMA & SYARAT : PAKAIAN, ETIKA & INSURAN PA PELUMBA

- a) Semua **pelumba dan krew wajib memakai 'wrist-tag'** yang dibekalkan sebelum memasuki tapak acara dan sepanjang acara berlangsung untuk memudahkan identifikasi.
- b) Pelumba drag bike wajib memakai **sekurang-kurangnya jaket kulit atau jaket penunggang dengan ciri keselamatan, berseluar panjang jeans yang tebal, kasut highcut 'riding', padding siku, padding lutut, bersarung tangan penuh dan memakai helmet full face (Sirim/Ece)** yang mempunyai ciri-ciri keselamatan. Penggunaan baju sut perlumbaan adalah turut digalakkan.

**(#Nota – Semua peserta segmen Longgok Sempoi-Sempoi diwajibkan untuk memakai padding lutut/siku, berhelmet-penuh diiktiraf oleh Sirim, memakai jaket riding, berseluar jeans panjang, berkasut dan bersarung tangan penuh.**

- c) Semua pelumba **wajib mendapatkan Insuran Perlindungan Kemalangan** yang disediakan oleh pihak PERKESO di **Booth Perkeso** dengan kadar pembayaran yang paling minima (RM13.10) sebagai syarat wajib sebelum bertanding.
- d) Semua **krew pasukan wajib berkasut** sebagai syarat untuk berada di Paddock Jentera masing-masing. Selipar tidak dibenarkan.
- e) Semua krew wanita (sekira ada) **hendaklah berpakaian sopan dan tidak menjolok mata.**
- f) Semua pelumba dan krew ditegah dari merokok di Paddock serta kawasan persekitaran Paddock. Merokok hanya **dibenarkan di Zon Merokok yang dikhaskan.**
- g) Semua pelumba dan krew **dilarang dari membuat sebarang aktiviti pembakaran secara terbuka** serta sentiasa menjaga kebersihan di paddock masing-masing.

## 7.0 TERMA & SYARAT : PENYERTAAN, PERSEDIAAN JENTERA & PEMERIKSAAN

### Persediaan & Penyertaan Pelumba

- a) Segmen Longgok - Setiap Pelumba bagi segmen kelas Longgok Sempoi2 (Novice Rider sahaja) dibenar untuk **mendaftar dua (2) penyertaan sahaja bagi setiap satu (1) kelas.** (#setiap pelumba dibenar membawa dua jentera sahaja bagi setiap kelas)
- b) Segmen Test N Tune - Setiap Pelumba bagi segmen kelas Test N Tune (Open Rider) dibenar untuk **mendaftar tanpa limit penyertaan bagi setiap satu (1) kelas.**

### Persediaan Jentera

- a) Jentera Longgok - Setiap Jentera bagi segmen kelas Longgok dibenar untuk **mendaftar hanya satu (1) penyertaan sahaja bagi setiap satu (1) kelas**
- b) Jentera Test N Tune - Setiap Jentera bagi segmen kelas Test N Tune dibenar untuk **mendaftar hanya satu (1) penyertaan sahaja bagi setiap satu (1) kelas.**
- c) **Spec Jentera Kelas Longgok** – Jentera dari spec “body alloy” adalah dilarang.
- d) **Patuh Spesifikasi** - Semua jentera harus mematuhi setiap syarat teknikal spesifikasi kelas yang telah pun ditetapkan sebelum hadir di lokasi acara. Kegagalan

akan menyebabkan penyertaan jentera dibatalkan serta yuran tidak dikembalikan; ATAU; jentera dipindah ke kelas yang sewajarnya.

- e) **Stiker Identifikasi Jentera** - Wajib mempamerkan stiker nombor perlumbaan pada setiap jentera masing-masing.

### **Sesi Pemeriksaan Jentera**

Semua pemeriksaan spesifikasi teknikal setiap kelas jentera dragbike dibuat pada sebelum dan selepas setiap ujian masa saingan ET dijalankan.

## **8.0 TERMA & SYARAT : KETIBAAN & AKSES KE PADDOCK**

Semua pelumba beserta krew pasukan dan jentera masing-masing wajib tiba di lokasi acara untuk melapor diri di Kaunter Urusetia di Pintu Masuk Utama, **seawal 30 minit sebelum jadual latihan free practise** bermula.

## **9.0 TERMA & SYARAT : HEBAHAN MAKLUMAT KETIKA ACARA**

Setiap informasi penting dan terkini dari masa ke semasa berkaitan jadual dan penyampaian maklumat serta isyarat jentera setiap kelas untuk bersedia memasuki litar akan dihebah menerusi saluran-saluran berikut:-

- a) Alat Sistem-PA (Alat Pembesar Suara)
- b) Petugas Marshal dan Krew Acara
- c) Facebook MUSC

## **10.0 TERMA & SYARAT : ETIKA DI LITAR, PEMBATALAN & FORMAT SAINGAN**

### **Etika di Litar**

- a) **Hanya dua (2) krew teknikal** dibenarkan untuk masuk ke litar bagi membantu setiap pelumba dan jentera masing-masing.
- b) **Did Not Start (DNS)** - Setiap jentera wajib bersedia memasuki litar apabila diarahkan. Kegagalan untuk berada di dalam litar dalam tempoh masa yang ditetapkan bakal menyebabkan ujian ET jentera tersebut dibatalkan (ET 99.999).
- c) **Burn Out** - Pelumba hanya dibenarkan membuat burn-out jentera dari jarak sebelum garis permulaan sehingga ke maksima 60 kaki di dalam litar. Kecuaian atau kegagalan akan menyebabkan ujian ET jentera tersebut dibatalkan.
- d) **Staging** - Staging ialah situasi di mana jentera telah pun bersedia di garis permulaan untuk dilepaskan. Staging berlaku apabila roda hadapan jentera berada di ke dua-dua zon Pre-Stage dan zon Stage.
- e) **Arahan Memasuki Staging** - Semua jentera harus bersedia memasuki zon Staging apabila diarahkan. Kegagalan akan menyebabkan ujian ET jentera tersebut dibatalkan.
- f) **Pre-Stage** - Kedua-dua jentera (ataupun satu untuk pelepasan single run) dikehendaki maju ke arah garis permulaan secara perlahan sehingga tiba di zon Pre-Stage. Pada ketika ini roda berada di jarak tujuh (7") inchi sebelum zon Stage.



- g) **Stage** - Apabila jentera maju sedikit lagi dan tiba di zon Stage maka dalam tempoh 3 saat lampu hijau pun dihidupkan. Go!
- h) **False Start (JS)** - Jika jentera berlepas sebelum lampu hijau dihidupkan maka lampu merah (JS) direkodkan dan secara automatik jentera tersebut hilang kelayakan untuk memperolehi ET (ET 99.999).
- i) **Kaedah Staging Terbaik** - Ketika berada di zon Stage jentera harus dilaraskan supaya berada dalam posisi yang cukup stabil dan statik (pegun). Kegagalan mengekalkan posisi ini sebelum lampu hijau dihidupkan akan menyebabkan tanpa disedari roda bergolek (samada ke depan atau ke belakang) keluar dari zon Pre-Stage atau zon Stage. Ini turut mengakibatkan situasi JS berlaku. Kaedah menggunakan brek ketika berada di zon Stage amat berkesan dalam membantu mengekalkan posisi terbaik statik.
- j) **Time Out (Dual Lane)** - Apabila salah satu jentera sudah pun memasuki zon Stage maka jentera di lorong sebelah harus juga berbuat demikian dalam tempoh 5 saat. Kegagalan akan mengakibatkan berlakunya situasi Time Out di mana ujian ET jentera yang terlewat tersebut hilang kelayakan untuk memperolehi ET (ET 99.999); ataupun jentera yang terlewat tersebut tewas ketika di peringkat Kalah Mati (disqualify).
- k) **Masalah Teknikal Jentera Ketika Staging** - Jentera yang mengalami masalah teknikal ketika bersedia di zon Staging dikira hilang kelayakan untuk memperolehi ET (ET 99.999).

#### **Pembatalan**

- a) Jentera yang telah pun diperiksa dan disahkan lulus, kemudiannya didapati melakukan pengubahsuaian yang melanggar syarat teknikal spesifikasi asal akan dibatalkan penyertaan tanpa dikembalikan yuran.
- b) Pelumba yang didapati menukar jentera sebenar ke jentera yang lain; ATAU; memindah stiker nombor jentera sebenar ke jentera yang lain, maka kedua-dua jentera sebenar dan jentera yang ditukar tersebut dibatalkan penyertaan tanpa dikembalikan yuran.

#### **Format**

- a) Semua segmen Kelas Longgok dijalankan secara Ujian Kelayakan ET (Elapsed Time) dan Top 8 Best ET Peringkat Kalah Mati.
- b) Semua segmen Kelas Test N Tune dijalankan secara Ujian ET (Elapsed Time) Time Attack sahaja.
- c) Sekiranya faktor cuaca, masalah teknikal atau masa tidak membolehkan semua saingan ET mahupun Peringkat Kalah Mati dilengkapkan maka keputusan Podium 1 hingga Podium 4 akan ditentukan berdasarkan HANYA keputusan catatan ET terpanjang yang berjaya dilaksanakan ataupun sehingga Peringkat Kalah Mati yang berjaya diselesaikan.

### **11.0 TERMA & SYARAT : PROSEDUR PROTES (BANTAHAN)**

- a) Setiap pelumba dan pasukan berhak mengemukakan protes, iaitu bantahan secara rasmi yang memerlukan proses semakan dibuat terhadap sesuatu insiden mahupun keputusan, ataupun bantahan terhadap sesuatu jentera mahupun pelumba yang dirasai melanggar apa-apa syarat yang telah pun ditetapkan.



- b) Setiap protes rasmi yang diterima adalah rahsia bagi melindungi privasi pihak yang mengemukakan protes tersebut.
- c) Protes rasmi hanya diterima menerusi kaedah berikut:-
- Dibuat dalam tempoh masa **tidak lebih dari lima belas (15) minit** sebaik sahaja insiden berlaku atau dikesan.
  - **Menghubungi petugas Clerk-of-the-Course** perlumbaan di talian +6010-7157398 atau +010-9200578 untuk mengemukakan bukti bantahan antaranya seperti dokumen, foto atau rakaman video bagi tujuan semakan.
  - Membayar **yuran protes sejumlah RM100.00 (wang cagaran)** kepada petugas Clerk-of-the-Course.
- d) Bertindak dari protes yang diterima, Clerk-of-the-Course akan melakukan siasatan dan semakan dalam tempoh masa tidak lebih dari tiga puluh (30) minit sebelum menghubungi semula pihak berkenaan (yang memprotes) untuk mengemukakan hasil semakan dan keputusan akhir seperti berikut:-
- Sekiranya protes lulus dan sah maka wang cagaran RM50.00 tersebut dikembalikan serta tindakan pembetulan yang sewajarnya terus dibuat.
  - Sekiranya protes gagal menerusi bukti semakan secara fakta dan data maka wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.

## 12.0 TERMA & SYARAT : BERSURAI

Semua pelumba, krew pasukan dan jentera harus bersurai dan meninggalkan tapak acara pada selewatnya sejam (1 jam) sebaik sahaja acara selesai.

## 13.0 URUSETIA UNTUK DIHUBUNGI

### a) Info Pendaftaran

<http://www.wasap.my/+60192866282>

atau

<http://www.wasap.my/+60129744804>

atau

<http://www.wasap.my/+601136041110>

atau

<http://www.wasap.my/+60107157398>

### b) Info Teknikal & Spesifikasi Drag Bike

<http://www.wasap.my/+60124322692>

atau

<http://www.wasap.my/+60136611488>

atau

<http://www.wasap.my/+60107157398>